

## **Elemen Silang Budaya Bagi Penghasilan Motif Baharu Dalam Seni Islam Tempatan**

[Cross-cultural Components for the Generation of New Motifs in the Local Islamic Art]

Nik Narimah binti Nik Abdullah <sup>1\*</sup>, Nurfaradilla Mohamad Nasri <sup>1</sup>, Mohd Fauzi Harun<sup>2</sup>, Muliyati Mat Alim <sup>3</sup>, Mohd Hisham Johari<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi Selangor

<sup>2</sup> Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan

<sup>3</sup> Fakulti Seni dan Sains Sosial, Universiti Tunku Abdul Rahman, Jalan Universiti, Bandar Barat 31900, Kampar, Perak

<sup>4</sup> Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Alam Bandar Puncak Alam, 42300 Puncak Alam, Selangor

\* *Corresponding author:* p92532@siswa.ukm.edu.my

### **Abstrak**

Usaha penerapan silang budaya tidak hanya tertumpu kepada aktiviti fizikal dalam masyarakat bahkan ia boleh diterapkan melalui pelbagai medium yang lain. Seni Islam masih mengekalkan cara persembahan yang sama dan tiada transformasi baharu. Seni Islam adalah seni yang luas dan perlu berkembang serta diperkaya dengan kreativiti. Kajian ini akan mengenal pasti elemen seni silang budaya yang dapat menjana idea baharu bagi menghasilkan reka bentuk motif Seni Islam. Komponen silang budaya dalam kajian ini adalah berdasarkan konteks budaya tempatan yang terdiri daripada tiga major etnik di Malaysia. Kajian terhadap penghasilan motif yang berteraskan silang budaya

Manuscript Received Date: 08/10/21

Manuscript Acceptance Date: 5/12/21

Manuscript Published Date: 25/12/21

©The Author(s) (2020). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact: [usimpress@usim.edu.my](mailto:usimpress@usim.edu.my)

DOI: 10.33102/uj.vol33noS5.407



amat kurang dalam konteks tempatan. Selain itu, tiada penambahan dan kreativiti baharu dalam bidang Seni Islam. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti elemen seni silang budaya yang boleh dijadikan inspirasi bagi menghasilkan reka bentuk motif, dan mencadangkan pembangunan reka bentuk motif Seni Islam berteraskan silang budaya. Pendekatan reka bentuk dan pembangunan yang didasari oleh model ADDIE digunakan dalam kajian ini. Elemen silang budaya seperti simbol, imej dan warna yang tidak bercanggah dengan teras kesenian Islam dapat manjana daya kreativiti yang tinggi dan mengilhamkan inovasi dalam menghasilkan motif Seni Islam. Penghasilan motif baharu Seni Islam ini juga berpotensi untuk diaplikasikan pada pelbagai platform. Kesimpulannya, elemen seni silang budaya berupaya dijadikan sebagai inspirasi bagi menghasilkan sebuah reka bentuk motif Seni Islam baharu yang mempunyai ciri-ciri identiti tempatan.

**Keywords:** *Seni Islam, silang budaya, elemen seni, kreativiti, motif*

### **Abstract**

Cross-cultural application efforts are not only focused on physical activity in communities but can be applied through a variety of mediums. Islamic Art is broad and needs to be developed and enriched with creativity. Islamic art still maintains the same way of presentation and there are no new transformations. This study will identify the elements of cross-cultural art that are possible to generate new ideas for the design of Islamic Art motifs. The cross-cultural component in this study is the cultural basis of Malaysia's three main ethnic groups. The study of creating cross-cultural-based motifs are limited. There are no new addition and creativity in the field of Islamic Art. This study aims to identify the art elements of cross-culture that can be used as inspiration for motif design and propose a new possible cross-cultural Islamic Art motif design. The design and development approach underpinned by the ADDIE model was used in this study. Cross-cultural elements such as symbols, images and colours that do not conflict with the core of Islamic art can generate high creativity and inspire innovation in producing Islamic Art motifs. In conclusion, the cross-cultural art element can be used as inspiration for the design of new Islamic Art motifs that have local multi-cultural identity characteristics.

**Keywords:** *Islamic art, cross-cultural, art elements, creativity, motifs*

### **1.0 Pengenalan**

Silang budaya bukan merupakan perkara baharu dalam kehidupan masyarakat majmuk di negara ini. Intergrasi silang budaya dilihat telah berlaku dalam banyak bidang antaranya dalam bidang pendidikan, bidang komunikasi, bidang perniagaan dan banyak lagi. Silang budaya melibatkan lebih aktiviti atau urusan antara budaya yang berbeza sama ada dalam konteks budaya tempatan atau budaya daripada luar (Ratnasari, 2019). Kefahaman dan kesedaran terhadap kepentingan silang budaya bukan sahaja perlu dipupuk dalam konteks tempatan sahaja malah ia juga boleh diperluaskan ke tahap global yang mana terdapat

pelbagai budaya dan bahasa yang berbeza (Davidovitch & Khyzhniak, 2018; Lee & Bain, 2016; Thomas, 1994). Aktiviti silang budaya ini mampu mengukuhkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan menjadikan seseorang lebih peka untuk mencipta lingkungan komunikasi yang efektif, membina kehidupan tanpa prejudis dan diskriminasi. Kesedaran terhadap silang budaya merangkumi keupayaan individu untuk melihat dunia secara lebih meluas, dapat meningkatkan pemahaman tentang kepelbagaian budaya dan bersikap toleransi terhadap sesama insan walaupun terdapat perbezaan budaya mahupun cara hidup (Hoyos et al., 2015). Oleh yang demikian, mengintergrasikan silang budaya dalam pelbagai bidang dilihat mampu menjana banyak manfaat termasuklah di dalam bidang seni. Kesedaran terhadap keunikan dalam kepelbagaian budaya dapat menjadi sumber inspirasi dalam mengilhamkan karya seni yang kreatif dalam bidang seni. Ini dapat dilihat pada karya seni rupa tempatan yang mana terdapat para pengkarya telah banyak menggunakan elemen budaya dan kemasyarakatan yang diangkat sebagai tema dalam karya (Siti Humaini Said Ahmad, 2020).

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak dalam meningkatkan kesedaran terhadap keperluan silang budaya dan ini dapat dilihat melalui pelbagai laporan artikel di dalam surat khabar yang melaporkan tentang pemeraksanaan silang budaya dalam masyarakat tempatan (Razid, 2018; Yap, 2019). Silang budaya banyak mempengaruhi dalam kehidupan seharian, oleh itu terdapat kepentingan untuk meneroka pendekatan dalam menghasilkan reka bentuk yang berteraskan silang budaya (Lee & Bain, 2016). Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengintergrasikan elemen seni silang budaya bagi menghasilkan motif baharu dalam Seni Islam tempatan. Penghasilan motif Seni Islam yang berteraskan silang budaya ini merupakan satu usaha untuk memberi nafas baharu dalam Seni Islam. Penerokaan terhadap elemen seni dalam silang budaya yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan tidak menyentuh sensitiviti kaum atau budaya menjadi tunjang dalam penghasilan motif baharu ini. Elemen seni dalam pelbagai budaya tempatan seperti flora, alam sekitar, ikon adalah antara sumber yang dijadikan inspirasi dalam mengilhamkan motif baharu Seni Islam ini.

Islam membenarkan pembangunan aktiviti seni tetapi ianya perlu mengikut landasan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, proses penghasilan reka bentuk motif Seni Islam ini juga mengambil pendekatan yang diguna pakai dalam penghasilan Seni Islam yang lain. Konsep kesenian yang diketengahkan oleh Islam adalah berkonsepkan kesenian yang bersesuaian dengan naluri manusia, menjurus kepada keselamatan dan kesenangan (Asy'ari, 2007). Motif seni yang disarankan dalam perspektif Islam adalah bertujuan ke arah kebaikan dan berakhlak (Wildan, 2018). Dalam konteks Islam, motif seni ini bukan sahaja mempamerkan nilai estetika yang tinggi tetapi mampu memberi impak yang bermanfaat antaranya mengajak masyarakat untuk lebih mendekati dan memahami tentang Islam, menggalakan perpaduan dalam masyarakat dan membawa masyarakat kepada kebaikan.

Melalui kajian elemen seni dalam konteks silang budaya, terutamanya yang melibatkan hubungan pelbagai kaum di negara ini, terdapat variasi elemen visual dapat diteroka dan

secara tidak langsung ia dapat meningkatkan kesedaran tentang keterbatasan yang ada dalam budaya sendiri. Kajian ini dapat menyumbangkan satu bentuk reka bentuk motif Seni Islam yang berteraskan silang budaya malahan motif tersebut akan mengikut ketetapan yang telah digariskan dalam agama Islam. Islam menggariskan etika dalam kesenian dan bukan hanya menumpukan sepenuhnya terhadap nilai estetika sahaja. Rekaan motif baru Seni Islam yang berlandaskan kepada elemen seni silang budaya tempatan ini dapat memartabatkan identiti tempatan. Corak etnik mahupun elemen seni daripada silang budaya yang mengikut syariat Islam akan mengilhamkan kreativiti dalam menjana pelbagai idea baharu dan relevan dengan situasi semasa. Dapatan kajian ini penting kerana dapat dijadikan rujukan mahupun sumber inspirasi kepada pereka bagi menghasilkan idea baru dalam rekaan motif Seni Islam. Kajian ini, akan membuka ruang kepada pereka untuk melihat tentang keindahan seni daripada pelbagai bangsa yang ada di Malaysia. Selain itu, kajian ini dapat memberi nafas baharu dalam bidang rekaan dan mencapai satu inovasi yang mencetus pembaharuan mengikut peredaran zaman. Silang budaya dapat memberi satu impak yang besar terhadap bidang seni kerana dapat menggabungkan kepelbagaian seni budaya tempatan untuk dibangunkan sebagai satu bentuk Seni Islam yang baharu dan sekaligus boleh menghasilkan karya yang kreatif dan inovatif. Motif Seni Islam yang berteraskan silang budaya akan memartabatkan identiti budaya tempatan dan memvariasikan seni reka motif. Oleh yang demikian, objektif kajian adalah seperti berikut:-

- i) Mengenal pasti elemen seni daripada silang budaya yang boleh dijadikan inspirasi bagi menghasilkan rekaan motif
- ii) Mencadangkan reka bentuk motif Seni Islam yang berteraskan silang budaya

## **2.0 Permasalahan Kajian**

Dalam konteks di Malaysia, masyarakat pelbagai kaum di negara ini dilihat masih kurang atau berada pada tahap yang sederhana terhadap kesedaran untuk memahami tentang perbezaan budaya (Siti Suriani Othman, Wan Mohd Fazrul Azdi, 2012). Implikasi kurangnya kefahaman terhadap budaya lain telah banyak menimbulkan pelbagai isu dalam konteks keagamaan, budaya dan kaum (Jalal, 2018). Kewujudan isu yang berkaitan dengan perkauman dan keagamaan perlu ditangani dengan usaha yang berterusan (Razid, 2018)(Razid, 2018). Walaupun, terdapat pelbagai usaha untuk memperkasa budaya dalam konteks pendidikan dan amalan kehidupan seharian namun usaha tersebut perlu melibatkan banyak pihak dan melibatkan pelbagai strategi.

Selain itu, walaupun masyarakat dunia terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya namun ia kurang memberi kesan terutama dalam bidang Seni Islam. Seni Islam masih mengekalkan cara persembahan yang sama dan tiada tranformasi baharu. Kenyataan ini disokong oleh (Ros Mahwati Ahmad Zakaria, 2017) yang mana menurut beliau, tiada penambahan mahupun kreativiti baharu yang dihasilkan dalam bidang Seni Islam seperti dalam penghasilan reka corak geometri. Beliau juga menyatakan bahawa tiada inovasi dihasilkan bagi reka bentuk geometri, penghasilan barangan seni dan juga penghasilan karya seni. Oleh itu, tiada pembaharuan dalam penghasilan Seni Islam kerana masih lagi menggunakan hasil seni yang sedia ada.

Tahap kesedaran yang kurang terhadap kepentingan untuk mengenali dan memahami konsep kepelbagaian budaya di kalangan masyarakat akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan tidak akan dapat menyumbangkan sesuatu yang bermanfaat terutama dalam bidang seni seperti Seni Islam. Reka bentuk dalam Seni Islam akan kelihatan sama kerana tiada usaha untuk mengilhamkan pembaharuan dalam penghasilan motif baharu, susun atur corak dan sebagainya. Secara mudahnya, jika tiada usaha ke arah pelaksanaan transformasi dalam penghasilan Seni Islam maka generasi akan datang akan mewarisi hasil seni yang sama sepanjang zaman.

Para sarjana dunia Islam perlu mengembleng tenaga dan usaha bagi menyuntik satu anjakan baharu dalam Seni Islam (Ros Mahwati Ahmad Zakaria, 2017). Melihat kepada permasalahan dan implikasi terhadap permasalahan yang dihadapi dalam Seni Islam maka satu usaha perlu dilaksanakan bagi menghasilkan satu bentuk inovasi terhadap reka bentuk dalam Seni Islam. Sebuah reka bentuk motif baharu yang berkonsepkan silang budaya akan dihasilkan sebagai usaha dalam menyahut saranan bagi menyemarakkan inovasi dalam bidang Seni Islam. Kajian ini akan menggabungkan elemen seni silang budaya yang tidak menyalahi ajaran Islam akan digunakan sebagai sumber inspirasi bagi mengilhamkan motif baharu Seni Islam. Permulaan dalam kajian ini adalah dengan mengenali elemen Seni Islam yang sedia, kemudian mengenal pasti elemen seni budaya daripada kaum utama dan kaum minoriti di Malaysia dalam usaha membangunkan reka bentuk motif Seni Islam baharu.

### **3.0 Kajian Literatur**

#### **3.1 Seni Islam**

Seni merupakan satu bentuk aktiviti manusia berbentuk karya yang melibatkan daya kreativiti, imaginasi yang tinggi dalam proses penghasilan karya, pemilihan medium yang bersesuaian bagi menzahirkan cetusan idea, rasa, kepercayaan atau luahan perasaan dalam bentuk visual dan sebagainya. Para sarjana moden mendefinisikan Seni Islam terbahagi kepada tiga prinsip utama iaitu prinsip yang pertama adalah Seni Islam dilihat dalam semua bentuk kreativiti, prinsip kedua adalah mengkonsepsikan Seni Islam dalam pelbagai bidang seni dan prinsip yang ketiga adalah Seni Islam merangkumi ekspresi visual kreativiti yang mencerminkan Islam dalam persembahan yang kreatif serta mempunyai nilai-nilai estetika (Hanash, 2017). Terdapat para sarjana Islam yang berpandangan bahawa tafsiran kesenian Islam dapat dilihat melalui beberapa ciri antaranya bentuk, tema, tempat asal, jenis, tarikh pembuatan, pencipta, asal usul dan perkembangannya (Ramli et al., 2011). Menurut pandangan Al-Ghazali, seni merupakan satu bentuk aktiviti yang berkaitan dengan rasa jiwa manusia yang sesuai dengan fitrahnya manakala bagi Al-Farabi pula menyatakan bahawa seni merupakan satu bentuk keindahan (H. Saifullah SA & Dr. Febri Yulika S.Ag, 2013)

Kesenian dalam Islam adalah merupakan cetusan idea yang berkait rapat dengan jiwa umat Islam itu sendiri dalam menghasilkan karya seni (Nik Abd. Rahman et al., 2011). Seni Islam yang penuh dengan keindahan berkembang daripada kreativiti budaya dan keindahan. Seni Islam juga dilihat sebagai estetika Islam yang mana ciptaan seni visual itu adalah daripada aspek keindahan dan praktikal (Hanash, 2017). Seni dalam Islam

harus bersifat menyeluruh yang mengandungi aspek akhlak, iman, matlamat keagamaan dan juga falsafah tentang kehidupan manusia. Dalam Islam, seni harus bersifat "*Al-Amar bil Ma'ruf dan An-Nahy 'an Munkar*" yang bermaksud menghendaki berbuat kebaikan dan menghindarkan kemungkaran. Seni harus menyumbang kepada kebaikan terutama dalam pembangunan akhlak dan modal insan. Selain itu, seni juga harus menghindarkan daripada segala kemungkaran yang boleh mencetuskan kesan yang negatif. Setiap aktiviti kesenian dalam Islam berpaksikan untuk mendapatkan keredhaan dan ketaqwaan Allah serta tidak menjurus kepada kelalaian. Oleh yang demikian, jelas di sini bahawa, aktiviti seni diterima dalam Islam. Seni Islam adalah merupakan satu bentuk keindahan yang diilhamkan oleh manusia dan merupakan sebahagian daripada kebudayaan dalam Islam berlandaskan batasan yang telah disyariat dalam Islam.

### 3.2 Silang Budaya dan Seni Islam

Setiap kelompok masyarakat mempunyai budaya tersendiri yang mana berkait rapat dengan corak mahupun gaya kehidupan yang diamalkan. Merujuk kepada kamus dewan edisi keempat, definisi budaya adalah merupakan satu bentuk peradaban, kemajuan fikiran dan cara berfikir. Perkataan budaya dalam bahasa Inggeris disebut sebagai "culture" yang mana perkataan ini berasal daripada perkataan Latin iaitu "colere". Berdasarkan kepada beberapa kajian lepas, istilah budaya adalah merujuk kepada adat resam, perlakuan manusia, cara hidup, kemajuan dan juga akal budi iaitu berkaitan dengan cara pemikiran (Hin, 2017; Roslina Abu Bakar, Engelenhoven, 2016; Zain et al., 2016). Konsep dalam budaya terbahagi kepada dua iaitu budaya kebendaan dan bukan kebendaan seperti pemikiran, adat istiadat, bahasa dan sebagainya. Kefahaman terhadap konsep dalam budaya amat penting kerana budaya berkait rapat dengan kehidupan dan ianya akan diwarisi oleh generasi masa akan datang (Minsung & Wahid, 2016).

Budaya juga adalah merupakan proses perkembangan sejagat iaitu ia berkait rapat dengan aspek budaya atau sifat budaya dalam sesebuah masyarakat yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza dari segi kepercayaan, seni, moral dan adat istiadat (Philip, 2018). Melihat dalam konteks masyarakat Malaysia, kepelbagaian budaya adalah merupakan norma dalam kehidupan harian. Kepelbagaian budaya atau masyarakat majmuk yang terdapat di negara ini, tidak menghalang setiap budaya untuk mengekalkan identitinya tersendiri malah terdapat pelbagai usaha untuk mengekalkan warisan budaya tersebut (Suhaili, 2010). Walaupun terdapat perbezaan dalam amalan setiap budaya, namun ia tidak menghalang untuk mewujudkan keharmonian dan perpaduan. Kesedaran terhadap kepentingan mengenali budaya perlu dipupuk agar lebih banyak peluang dapat diteroka dalam pelbagai bidang.

Seni dan budaya tidak dapat dipisahkan kerana keunikan seni dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Seni dan budaya juga telah banyak mengilhamkan pelbagai idea kreatif bagi penggiat seni atau pereka dalam bidang reka bentuk. Ini dibuktikan dengan penghasilan karya seni yang berkonsepkan budaya oleh para penggiat seni kreatif. Para pengkarya telah menerapkan pelbagai tema yang berunsurkan elemen budaya tempatan antaranya motif, bahasa, kostum, seni bina dan banyak lagi (Siti Humaini, 2020). Selain daripada karya seni yang mengambil budaya sebagai tema mahupun konsep dalam karya, terdapat juga

aktiviti penghasilan reka bentuk yang berteraskan silang budaya antaranya kajian silang budaya berpusatkan pengguna global (Abildgaard & Christensen, 2017), reka bentuk label pada pembungkusan dan komunikasi silang budaya (Celhay et al., 2019), kreativiti dan variasi silang budaya (Lubart, 2007) dan banyak lagi. Jelas di sini, kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa silang budaya banyak memberikan manfaat terutama dalam bidang reka bentuk. Kebanyakan pelaksanaan penerokaan berbentuk kajian yang dijalankan oleh para pengkaji adalah melibatkan silang budaya antara negara yang berbeza.

Kelebihan kepelbagaian etnik dan budaya di Malaysia telah memberi satu impak yang positif dalam bidang seni yang mana secara tidak langsung elemen-elemen seni yang dihasilkan daripada pelbagai kaum ini dapat digunakan sebagai satu bentuk cetusan idea baru dalam penghasilan rekaan seni seperti motif baru. Silang budaya yang mencerminkan budaya tempatan juga dapat menyumbang kepada tercetusnya ilham penghasilan Seni Islam yang baharu asalkan ianya tidak melanggar batasan dalam ajaran Islam. Seni Islam sangat indah dan telah berkembang maju di seluruh pelusuk dunia. Namun begitu, penghasilan Seni Islam juga memerlukan idea-idea yang lebih baharu sejajar dengan perkembangan arus kemajuan dan globalisasi. Seni Islam tidak terbatas kepada asas-asas rekaan seperti geometri sahaja malah ianya boleh dikembangkan lagi dengan menjadikan elemen-elemen persekitaran yang bersumberkan atau diinspirasikan daripada budaya terutama silang budaya dalam menghasilkan pelbagai reka bentuk seperti pembangunan motif baharu dalam Seni Islam. Oleh yang demikian, dengan adanya suntikan idea baharu daripada silang budaya dan berpaksikan kepada ajaran Islam maka terdapat pembaharuan dalam penghasilan Seni Islam yang penuh keindahan.


#### **4.0 Metodologi**

Pendekatan reka bentuk dan pembangunan digunakan bagi menghasilkan reka bentuk motif Seni Islam yang berteraskan silang budaya. Pendekatan reka bentuk dan pembangunan dalam kajian ini didasari oleh model ADDIE. Terdapat lima fasa atau aliran yang digariskan dalam model ADDIE iaitu (i) analisis (ii) reka bentuk (*design*), (iii) pembangunan (*development*), (iv) pelaksanaan (*implementation*) dan (v) penilaian (*evaluation*). Fasa yang terdapat dalam model ADDIE ini bertepatan dengan konteks penghasilan reka bentuk motif baharu bagi Seni Islam yang berteraskan silang budaya. Namun begitu, dalam konteks kajian ini hanya tiga fasa sahaja yang akan dilaksanakan seiring dengan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Fasa analisis adalah merupakan fasa pertama yang akan dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Tujuan fasa analisis ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti elemen seni daripada silang budaya yang boleh dijadikan inspirasi bagi menghasilkan rekaan motif. Analisis kandungan adalah penting sebagai sumber maklumat bagi melengkapkan kajian bukan sahaja dalam bentuk bahan bercetak malah ia boleh digunakan untuk menganalisis visual (Bengtsson, 2016). Analisis dokumen merupakan satu kaedah penganalisan atau pentakrifan data bagi mengenalpasti mana, memperoleh pemahaman dan mengembangkan pengetahuan empirikal dengan melaksanakan empat langkah utama iaitu mengenal pasti perkara utama, proses

mengekstrak atau membuat penilaian pada teks, mengkatogerikan data dan kompilasi. Sumber data diperolehi dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema atau melalui mesej daripada media tertentu (Cisek & Krakowska, 2019). Rajah 1 dibawah merupakan gambaran analisis kandungan bagi mengenalpasti tema yang bersesuaian dalam setiap elemen.

Rajah 1: Rajah Analisis Kandungan



Dalam konteks kajian ini, analisis kandungan ini yang akan dijalankan akan melibatkan data sekunder seperti buku Seni Islam, buku reka bentuk seni dan visual yang berkaitan daripada bahan bercetak mahupun fotografi. Semua data yang diperolehi akan di analisis berdasarkan kepada elemen dalam Seni Islam dan elemen motif seni dalam Budaya. Flora, tumbuh-tumbuhan, ikon dan geometri merupakan empat tema utama elemen motif yang mempunyai unsur persamaan tetapi tidak bercanggah sebagai potensi motif untuk dikembangkan. Data yang diperolehi dikupaskan berdasarkan beberapa aspek reka bentuk seperti bentuk, warna, visual, corak dan motif. Rajah 1 menunjukkan elemen dalam Seni Islam dan elemen dalam budaya yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam dalam konteks penghasilan reka bentuk. Kepercayaan, pengaruh dan sentiviti adalah komponen yang mengandungi elemen seperti simbol, imej dan warna. Setiap elemen ini dapat menyumbang kepada penghasilan sebuah seni kontemporari yang boleh diadaptasi untuk pembangunan reka bentuk motif Seni Islam baharu yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan sesuai dengan peredaran masa kini. Seterusnya bagi fasa reka bentuk dan pembangunan, motif Seni Islam yang berteraskan silang budaya akan dibangunkan dengan menggunakan elemen dan prinsip reka bentuk yang bersesuaian. Di samping itu, penghasilan reka bentuk motif ini didasari oleh teori utama iaitu teori semiotik dan teori



Gestalt. Berdasarkan dapat daripada analisis kandungan, proses reka bentuk dijalankan bagi mencadangkan reka bentuk dan pembangunan reka motif baharu Seni Islam. Langkah-langkah yang akan dijalankan adalah seperti berikut:-

#### Langkah 1: Mengenali sumber idea

Mengenal pasti beberapa sumber yang boleh dijadikan inspirasi bagi mengilhamkan reka bentuk motif Seni Islam seperti flora, tumbuhan semula jadi dan sebagainya yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam serta tidak menyentuh sensitiviti budaya lain.

#### Langkah 2: Lakaran dan olahan idea

Proses lakaran dijalankan bagi mengolah idea untuk mendapat satu bentuk motif yang tulen dan baharu. Sumber inspirasi yang telah dikenal pasti akan melalui proses dipermudahkan (*simplify*), digayakan (*stylization*) atau diubah suai (*modification*). Kombinasi elemen Seni Islam dan elemen seni dalam silang budaya akan dilakarkan bagi membentuk sebuah idea baharu dan kreatif.

#### Langkah 3: Pendigitalan reka bentuk motif

Penggunaan perisian grafik akan digunakan bagi proses pendigitalan reka bentuk motif. Kemahiran penggunaan perisian grafik akan menghasilkan kerja akhir bagi mencadangkan reka bentuk motif Seni Islam yang baharu berteraskan silang budaya seperti mana yang telah dirancangan.

### 4.1 Aplikasi Teori dan Model Dalam Penghasilan Reka Bentuk Motif


Model ADDIE akan menjadi model sandaran dalam kajian ini bagi menghasilkan reka bentuk dan pembangunan motif baharu Seni Islam yang berteraskan silang budaya. Fasa-fasa atau aliran dalam model ADDIE ini mudah untuk diadaptasi dan praktikal dalam konteks penghasilan reka bentuk. Terdapat banyak kajian yang menjadikan model ADDIE sebagai model sandaran dalam penyelidikan terutama dalam penghasilan produk (Sahrir et al., 2012) dan pembangunan model pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan (Khalil & Elkhider, 2016). Selain itu, terdapat dua teori utama yang mendasari dalam kajian ini iaitu teori semiotik dan teori Gestalt. Kedua-dua teori ini amat sinonim dengan bidang seni reka dan sering menjadi pegangan bagi menghasilkan rekaan. Teori-teori ini juga turut diperkenalkan dan didedahkan kepada pelajar dalam jurusan seni kerana ia merupakan asas yang perlu dikuasai sebagai seorang pereka atau artis.

Teori semiotik telah diperkenalkan oleh *Pierce* dan *Saussure* dan semiotik merupakan istilah dari bahasa Yunani iaitu "*semeion*" yang membawa maksud tanda (Yakin & Totu, 2014). Dalam teori semiotik, terdapat tiga jenis tanda iaitu ikon, indeks dan simbol. Teori semiotik ini dapat digunakan sebagai panduan bagi menjana idea untuk penghasilan motif baru seni Islam. Bagi mendapatkan idea-idea baharu, kajian terhadap simbol, imej dan warna dari beberapa etnik diperlukan bagi mengilhamkan sebuah rekaan motif baharu.

Teori Gestalt yang berasal dari Jerman pula menjelaskan tentang persepsi. Kajian dari ahli gestalt menyatakan bahawa kognitif mencetus kepada persepsi yang diterima daripada penglihatan (Pettersson, 2016). Teori Gestalt banyak digunakan dalam menghasilkan rekaan yang mana hukum-hukum seperti kesimbangan dan kesepaduan dilihat melalui keseluruhannya (hasil seni) sebelum kita melihat objek individu (bentuk-bentuk rekaan yang menghasilkan seni); diharap dapat membantu dalam penghasilan sesebuah rekaan yang baik. Suntikan daya kreativiti yang tinggi yang berlandaskan kepada teori semiotik dan teori gestalt telah mengilhamkan rekaan baharu bagi pembentukan penghasilan motif dalam Seni Islam.

Berdasarkan kepada teori-teori yang dinyatakan, elemen-elemen dan kepercayaan yang dikenalpasti daripada silang budaya akan membentuk penghasilan motif baharu dalam Seni Islam. Paparan pada Rajah 2 menjelaskan tentang pembentukan motif Seni Islam yang diilhamkan daripada simbol, warna mahupun imej yang terdapat dalam elemen seni budaya tempatan dan kepercayaan yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam daripada kumpulan etnik majoriti dan minoriti di Malaysia.

Rajah 2: Proses kajian dalam pembangunan motif Seni Islam berteraskan silang budaya



## 5.0 Dapatan Kajian

Data yang diperolehi telah dianalisis dengan melihat kepada beberapa aspek seperti sumber motif, jenis motif, susunan corak, simbol, imej dan warna. Semua dapatan bagi fasa analisis ini akan menyumbangkan idea untuk proses reka bentuk dan pembangunan motif baharu Seni Islam berteraskan silang budaya.

### 5.1 Dapatan Elemen Seni Islam Dalam Konteks Silang Budaya

Berdasarkan kepada analisis kandungan yang dijalankan didapati Seni Islam dipersembahkan dalam pelbagai bentuk antaranya motif dan corak, seni khaligrafi atau lebih dikenali dengan tulisan khat, ukiran, seni bina dan lain-lain. Penghasilan motif dalam Seni Islam diilhamkan daripada pelbagai flora dan motif geometri. Ini kerana Islam melarang penggunaan elemen berbentuk figura dalam Seni Islam. Terdapat

beberapa jenis bunga yang menjadi sumber inspirasi dalam menghasilkan motif antaranya bunga lili, melur dan teratai. Selain itu antara corak yang dihasilkan dalam Seni Islam, antaranya corak tiga dimensi yang diaplikasikan pada di atas kayu. Kupasan berikut, adalah merupakan analisis terhadap visual atau imej dan simbol yang digunakan dalam Seni Islam.

Elemen visual yang banyak digunakan dalam penghasilan motif seni Islam berlandaskan kepada bentuk organik yang berasaskan kepada flora dan alam semula jadi seperti dalam Rajah 3, Rajah 4 dan Rajah 5. Motif-motif yang dihasilkan banyak dijadikan sebagai corak pada tembikar, hiasan dinding dalam seni bina dan pelbagai bentuk ukiran. Selain daripada motif-motif flora, tumbuhan mahupun sayuran yang menjadi sumber inspirasi dalam penghasilan motif; reka bentuk motif geometri juga amat sinonim dengan Seni Islam. Motif-motif organik ini juga ada yang digabungkan dengan motif geometri seperti dalam Rajah 3. Pemilihan warna juga memainkan peranan yang penting kerana setiap warna yang dipilih mempunyai maksud dan melambangkan sesebuah bangsa atau kaum. Teknik pengulangan dan keseimbangan juga dititik beratkan dalam menzahirkan reka bentuk motif pada medium yang dipilih.

Rajah 3: Bahagian dalam Mangkuk Besar berkaki, Ottoman, Turki, Iznik, C.1545-50



Rajah 4: Bahagian dalam Mangkuk Besar berkaki, Ottoman, Turki, Iznik, C.1545-50



Rajah 5: Dastan-i Amir Hamza, Mughal, India. C.1562-79



Dalam hukum Seni Islam ada dinyatakan bahawa hukumnya wajib jika kesenian itu amat diperlukan oleh muslim yang mana kesenian akan memperlihatkan keindahan yang boleh mencetus minat untuk lebih beramal dalam ajaran Islam.

### 5.2 Dapatan Elemen Motif Seni dalam Budaya

Dalam kajian ini, elemen visual silang budaya yang dicadangkan dalam penghasilan motif Seni Islam yang baru diambil daripada beberapa etnik tempatan. Pemilihan etnik tempatan adalah bertepatan dalam memartabatkan identiti seni budaya tempatan. Terdapat beberapa corak etnik tempatan yang diambil dari seni ukiran, seni bina, tekstil dan seramik yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam telah menjadi sumber inspirasi kepada penghasilan motif baru Seni Islam. Dalam masyarakat Melayu, banyak motif yang diilhamkan daripada tumbuh-tumbuhan antaranya dalam reka bentuk tekstil seperti batik terdapat motif bunga angerik, bunga raya, motif bunga mangga dan motif bunga teratai.

Motif pada kain tenunan seperti corak bunga tabur, corak bunga penuh, pucuk rebung dan banyak lagi juga merupakan contoh penggunaan flora dalam mengilhamkan corak. Selain itu, motif seperti bunga kenanga, cempaka, daun keladi dan daun siti adalah contoh pengaruh unik konteks sosial masyarakat Melayu dengan alam persekitaran mereka. Jelas di sini bahawa, masyarakat Melayu mengambil kira tentang ajaran Islam dalam setiap penghasilan reka bentuk motif dan corak. Kesenian yang bersumberkan elemen persekitaran seperti bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan yang menjalar menjadi pilihan para penggiat seni.

Motif bunga-bunga dan tumbuhan juga turut digunakan dalam masyarakat baba nyonya dalam menghasilkan reka bentuk motif seperti yang diaplikasikan pada rekaan tembikar nyonya yang dikenali sebagai porselin *Famille Rose* (Choong & May, 2008). Rajah 4, menunjukkan penggunaan motif bunga-bunga yang diaplikasikan pada besen muka dan bekas ludah. Kedua-dua tembikar nyonya ini merupakan sebahagian daripada porselin *Famille Rose*. Terdapat juga motif seekor naga dan seekor phoenix yang terdapat pada tembikar dalam Rajah 6. Simbolik penggunaan motif naga dan phoenix adalah berkaitan dengan budaya dalam baba nyonya dan membawa maksud sepasang suami isteri. Menurut kajian yang dijalankan oleh (Choong & May, 2008), dua motif utama dalam penghasilan porselin *Famille Rose* adalah motif flora seperti bunga-bunga dan motif fauna seperti burung dan serangga yang mana ianya diilhamkan daripada sejarah Cina

dan kisah dongeng. Kebiasaannya tembikar nyonya ini menggunakan warna yang pelbagai antaranya biru indigo, biru muda, mearh coral, perang dan coral.

Rajah 6: Tembikar Nyonya (porselin *Famille Rose*)



Selain itu, motif bunga-bunga juga turut menjadi pilihan bagi kaum India untuk menghasilkan kerja seni seperti dalam kesenian hiasan yang dikenali sebagai 'Kolam'. Puspakolam atau dikenali sebagai kolam bunga dihasilkan bagi menyambut perayaan penting dan majlis keramaian yang diadakan di kuil dan penghasilan 'Kolam' melibatkan pelbagai bahan dan motif daripada bunga-bunga seperti bunga kekwa, bunga lavender dan bunga daisy (Letchumanan et al., 2018). Penggunaan warna harmoni digunakan dalam menghasilkan seni bagi kaum India dan setiap warna yang dipilih mempunyai maksud tersendiri dan menggambarkan unsur alam dan kehidupan. Rajah 7 menunjukkan hasil seni yang dikenali sebagai 'Kolum' bagi meraikan hari penting dalam masyarakat India. Keindahan motif, susunan corak yang terancang dan pemilihan warna-warna yang terang menggambarkan keharmonian dalam kehidupan.

Rajah 7: Motif seni dalam masyarakat India yang berunsurkan bunga-bunga



Berdasarkan kepada pemerhatian terhadap penghasilan motif seni daripada pelbagai budaya tempatan, didapati motif bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan adalah merupakan motif utama yang diaplikasikan pada pelbagai medium seperti ukiran seni bina, pelbagai artifak dan juga seni hiasan. Pelbagai jenis bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan telah diolah untuk disesuaikan sebagai sebuah reka bentuk motif kreatif dan pemilihan warna yang terang juga memainkan penting bagi menyerlahkan keindahan motif di samping mempunyai maksud yang tersendiri.

Oleh yang demikian, walaupun terdapat perbezaan dari aspek kepercayaan, adat resam dan gaya hidup namun terdapat persamaan dalam aspek penghasilan motif iaitu menggunakan unsur alam yang mana sememangnya dekat dengan kehidupan manusia. Berdasarkan analisis yang dijalankan, sebuah reka bentuk motif Seni Islam yang berteraskan silang budaya akan dibangunkan dengan menonjolkan gabungan keindahan pelbagai elemen seni budaya tempatan.

### 5.3 Dapatan Pembangunan Reka Bentuk Motif Berteraskan Silang Budaya

Dalam kajian ini, elemen seni silang budaya yang dicadangkan dalam penghasilan motif Seni Islam yang diambil daripada beberapa budaya tempatan. Pemilihan elemen seni budaya tempatan adalah bertepatan dalam memartabatkan identiti seni budaya tempatan. Idea baru yang diinspirasikan daripada pelbagai sumber budaya tempatan antaranya seni ukiran, seni bina, tekstil dan seramik yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam telah menjadi ilham kepada pembangunan reka bentuk motif baru Seni Islam. Proses penghasilan reka bentuk motif tersebut juga mengambil kira prinsip-prinsip Kesenian Islam seperti kesenian hendaklah mendorong kepada ketaqwaan, kema'rufan, kesahihan dan pembentukan peribadi yang baik (Asy'ari, 2007).

Penghasilan rekaan motif pada dasarnya disokong oleh teori reka bentuk dengan melibatkan pemahaman tentang unsur-unsur nyata termasuk bentuk, ruang, perkadaran, warna, skala, tekstur, struktur (grid), komposisi, garis, bentuk dan kelantangan. Selain mengambil kira kaedah penyusunan dalam mencapai keseimbangan, irama, pola, hierarki, penekanan, dan perpaduan. Merujuk kepada tujuan dan permasalahan, teori reka bentuk menjadi rujukan dan panduan dalam menghasilkan motif baru seni Islam.



Pelaksanaan kajian ini menjurus kepada penghasilan motif baru silang budaya yang diilhamkan daripada elemen seni atau corak etnik tempatan. Dalam konteks kajian ini, elemen seni dalam silang budaya diambil daripada tiga etnik utama di negara ini iaitu kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India dan melibatkan sebilangan kecil elemen budaya daripada etnik minoriti. Pelbagai sumber elemen seni daripada silang budaya akan digabungkan dalam Seni Islam bagi membentuk sebuah motif baharu. Selain itu, terdapat beberapa sumber elemen seni dalam silang budaya seperti seni bina, seni tekstil dan seni perhiasan dinding turut menjadi inspirasi bagi proses penghasilan reka bentuk motif Seni Islam baharu. Secara keseluruhan motif baharu ini, akan mempamerkan ciri-ciri organik dan geometri dengan olahan kreatif.

Simbol di dalam seni visual merupakan kaedah yang sangat penting dalam proses penghasilan karya terutamanya dalam konteks mereka semula subjek dalam bentuk yang sesuai dengan konteks Seni Islam. Di dalam konteks seni visual di Malaysia, simbol banyak digunakan oleh pengamal dan penggiat seni seperti bidang seni reka grafik, tekstil, kaligrafi, ukiran dan juga bidang seni lukisan. Ia juga boleh dihasilkan secara tradisi mahupun digital. Etnik di Malaysia secara amnya menggunakan motif yang pelbagai dalam penghasilan karya seni visual yang diinspirasikan daripada sumber sejarah dan berkaitan dengan budaya bangsa mereka. Motif-motif ini merupakan contoh simbol yang banyak digunakan oleh masyarakat setempat dalam mewakili suatu subjek mahupun makna tersendiri yang difahami oleh sesuatu kaum. Motif-motif ini

digabungkan melalui beberapa kaedah seperti jalur, sendeng, berpusat, cerminan, tapak catur, orgee dan lainnya bagi membentuk suatu motif yang baharu dengan susunan corak yang terancang.

Jadual 1 adalah cadangan kepada pembangunan reka bentuk motif Seni Islam yang berteraskan kepada elemen seni silang budaya. Elemen seperti bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan digabungkan dengan elemen dan prinsip dalam seni seperti garisan, bentuk, warna, keseimbangan, kesepaduan dan banyak lagi seperti dalam cadangan motif 1 dan 2. Terdapat motif geometri yang digabungkan dengan motif bunga-bunga seperti dalam cadangan motif 2. Motif daripada kaum India juga diambil untuk menghasilkan cadangan motif 3. Selain itu, penggabungan idea yang telah mengilhamkan reka bentuk cadangan motif 4.

Jadual 1: Cadangan pembangunan reka bentuk motif

Bil	Sumber motif	Cadangan Motif
1	Kombinasi motif Bunga Berpaling, Daun berjalar, Bunga Kaca Piring dan motif ukiran sulur dan daun.	
Cadangan motif 1		
2	Kombinasi bentuk geometri arabesque (islami) bersama dengan motif pohon Ara.	



- 3 Motif ekor burung merak (Paisley - tekstil) kaum india, tanglung dan seni sulaman kaum Cina



Cadangan motif 3

- 4 Seni bina kaum Cina dan bunga teratai



Cadangan motif 4

Warna banyak dipengaruhi latar budaya sesuatu masyarakat dalam penghasilan seni visual. Di Malaysia sendiri, pelbagai budaya mewujudkan kepekaan serta kefahaman tentang konsep warna yang tersendiri bagi masyarakat tertentu. Sebagai contoh warna hijau melambangkan budaya masyarakat melayu yang bertunjangkan agama Islam. Oleh itu, ia kerap digunakan sebagai warna pada seni bina bangunan yang berkaitan dengan budaya melayu Islam di Malaysia. Manakala warna merah pula sinonim dengan kaum Cina. Warna merah atau *hong* dalam bahasa Cina membawa maksud tuah. Mereka percaya dengan pemakaian warna ini akan dilimpahi tuah sepanjang tahun. Bagi masyarakat kaum India pula, warna-warna terang dan kaya dengan tenunan dan sulaman benang emas, perak, labuci juga batu-batu permata adalah sinonim dengan budaya mereka. Namun yang demikian, terdapat juga warna yang digunakan secara am dan tidak spesifik mengikut kaum contohnya seperti warna hitam yang kerap dipakai ketika upacara kematian dan pengebumian. Oleh itu, bagi meraikan kepelbagaian warna, olahan warna-warna ini diterjemah melalui kesesuaian padanan rekaan, saiz dan aplikasi; tidak tertumpu kepada warna yang merujuk kepada sesuatu kaum sahaja.

## 6.0 Kesimpulan

Masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama mendorong kepada perkembangan seni budaya. Pertembungan antara seni budaya dan Seni Islam memberi satu impak yang positif kerana agama Islam dianuti oleh pelbagai bangsa diseluruh dunia. Kewujudan silang budaya adalah disebabkan perbezaan individu yang wujud. Namun begitu kesan positif daripada silang budaya terutama dalam bidang seni dilihat dapat menjadi sumber cetusan idea yang kreatif. Rekaan motif dengan susunan corak yang kreatif dan pemilihan warna yang bersesuaian telah diilhamkan daripada



elemen dan pengaruh silang budaya. Motif flora, simbol, imej dan unsur-unsur yang tidak bercanggah dengan Islam digabungkan menjadi sebuah motif Islam yang baharu.

Kelebihan silang budaya ini menjadi landasan kepada tercetusnya pembaharuan dalam Seni Islam terutama Seni Islam tempatan. Motif Seni Islam yang diilhamkan daripada silang budaya ini berpotensi untuk dibangunkan terutama dalam bidang rekaan. Pada masa akan datang, motif Seni Islam silang budaya ini mungkin boleh dikomersil dan diperluaskan penggunaannya seperti pada rekaan pembungkusan, hiasan dinding, papan tanda jalan dan banyak lagi. Cadangan-cadangan yang telah dinyatakan menunjukkan bahawa ia berpotensi untuk dibangunkan dan dimajukan seterusnya dapat memartabatkan budaya tempatan terutama dalam bidang rekaan. Identiti unik melalui rekaan silang budaya ini memberikan nafas baharu kepada Seni Islam yang bersifat beradaptasi melalui kebudayaan yang berbeza dan mewujudkan identiti baharu melalui gabungan motif yang dicadangkan. Dengan ini, Seni Islam dapat terus berkembang dan dapat diperkenalkan di arena global. Rekaan motif Seni Islam silang budaya ini merupakan satu inovasi berbentuk rekaan dalam Seni Islam yang mana ia bersesuaian dengan arus kemajuan dan globalisasi, tidak tertakhluk kepada sesuatu kaum atau geografi sahaja.

## Rujukan

- Abildgaard, S. J. J., & Christensen, B. T. (2017). Cross-Cultural and User-Centered Design Thinking in a Global Organization: A Collaborative Case Analysis. *She Ji: The Journal of Design, Economics, and Innovation*, 3(4), 277–289. <https://doi.org/10.1016/j.sheji.2018.02.003>
- Asy'ari, M. (2007). Islam dan Seni. *Jurnal Hunafa*, 4(2), 196–174.
- Bengtsson, M. (2016). How to plan and perform a qualitative study using content analysis. *NursingPlus Open*, 2, 8–14. <https://doi.org/10.1016/j.npls.2016.01.001>
- Celhay, F., Cheng, P., Masson, J., & Li, W. (2019). Package graphic design and communication across cultures: An investigation of Chinese consumers' interpretation of imported wine labels. *International Journal of Research in Marketing*, 37(1), 108–128. <https://doi.org/10.1016/j.ijresmar.2019.07.004>
- Choong, G., & May, A. (2008). Tembikar Baba dan Nyonya: corak dan motif porselin Famille Rose. *Wacana Seni : Journal of Arts Discourse*, 7, 47–90.
- Cisek, S., & Krakowska, M. (2019). Qualitative Analysis of Visual Data in Information Behavior Research. *Zagadnienia Informacji Naukowej - Studia Informacyjne*, 57(1(113)). <https://doi.org/10.36702/zin.492>
- Davidovitch, N., & Khyzhniak, K. (2018). Language Personality in the Conditions of Cross-Cultural Communication: Case-Study Experience. *International Education Studies*, 11(2), 13. <https://doi.org/10.5539/ies.v11n2p13>
- Hanash, I. M. (2017). The Theory of Islamic Art -Aesthetic Concept And Epistemic Structure. In *Recent Acquisitions* (Issue 1985/1986). International Institute of Islamic Thought (IIIT). <https://doi.org/10.2307/1513682>
- Hin, P. D. T. Y. Y. (2017). Islam hargai budaya suku kaum. *Harian Metro*, 35.

- Hoyos, C. M., Scharoun, L., & Poplin, J. (2015). the Importance of Cross-Cultural Learning in the Design Disciplines: a Case Study Reviewing a Series of Short Term Study Tours Designed To Support Cross-Cultural Exchange in the Asia-Pacific Region. *International Journal of Arts & Sciences*, 08(05), 435–442.
- Jalal, P. M. L. K. D. B. (2018). Kepelbagaian agama, budaya perlu dihormati. *Berita Harian Online*.
- Khalil, M. K., & Elkhider, I. A. (2016). Applying learning theories and instructional design models for effective instruction. *Advances in Physiology Education*, 40(2), 147–156. <https://doi.org/10.1152/advan.00138.2015>
- Lee, D., & Bain, J. (2016). Developing a Cross-Cultural Design Methodology: A study of UK-South Korean Collaboration in Higher-Education Design. *The Global E-Learning Journal*, 5(2).
- Letchumanan, S. A. P., Seni, F., & Kreatif, I. (2018). Seni Hiasan ‘ Kolam ’ : Analisis Motif dan Makna Decorative Art of ‘ Kolam ’ : Analysis the Meaning of Motives and Colour. *Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 6(June), 89–94.
- Lubart, T. I. (2007). Creativity and Cross-Cultural Variation. *International Journal of Creativity and Cross-Cultural Variation*, August 2015. <https://doi.org/10.1080/00207599008246813>
- Minsung, C., & Wahid, P. R. A. (2016). Penterjemahan budaya bukan kebendaan dalam teks terjemahan bahasa Korea-bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 160–175.
- Nik Abd. Rahman, N. H. S., Ramli, Z., Md. Yatim, O., Ahmad Zakaria, R. M., & Wan Ibrahim, W. S. (2011). Kesenian Melayu Islam: Jiwa Islam dalam pengkaryaan. *World Congress for Islamic History and Civilization, October*, 53–66.
- Pettersson, R. (2016). Information Design Theories. *Journal of Visual Literacy*, 33(1), 1–96. <https://doi.org/10.1080/23796529.2014.11674713>
- Prof. Dr. H. Saifullah SA, M. ., & Dr. Febri Yulika S.Ag, M. H. (2013). *Sejarah Perkembangan Seni dan Kesenian Dalam Islam* (pp. 1–176).
- Ramli, Z. Bin, Adzrieman, N., Rahman, A., Mahwati, R., Zakaria, A., & Muda, K. K. (2011). *Kesenian Melayu Islam : Jiwa Islam Dalam Pengkaryaan. October*.
- Ratnasari, D. (2019). the Importance of Cross-Cultural Understanding in Foreign Language Teaching in the Asian Context. *Bahasa Dan Seni: Jurnal Bahasa, Sastra, Seni, Dan Pengajarannya*, 46(2), 124–131. <https://doi.org/10.17977/um015v46i22018p124>
- Razid, M. A. A. (2018). *Model silang budaya mampu perkasa perpaduan kaum anak muda*. <https://www.bharian.com.my/rencana/surat-pembaca/2018/03/394767/model-silang-budaya-mampu-perkasa-perpaduan-kaum-anak-muda>
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria. (2017). Seni Islam kaku, sudah hilang inovasi. *Utusan Malaysia*. <http://ddms.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/15001>
- Roslina Abu Bakar, Engelenhoven, A. van. (2016). Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Natural and Cultural Malay Society in Hikayat. *Jurnal Kesidang*, 1, 20–49.
- Sahrir, M. S., Alias, N. A., Ismail, Z., & Osman, N. (2012). Employing design and development research (DDR) approaches in the design and development of online arabic vocabulary learning games prototype. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 11(2), 108–119.

- Siti Humaini Said Ahmad. (2020). Elemen Budaya Dalam Karya Seni Catan Malaysia : Satu Tinjauan. *Ideology Journal*, 5(1), 157–164.
- Siti Suriani Othman, Wan Mohd Fazrul Azdi, F. H. (2012). Kesedaran Budaya Dan Tanggungjawab Media Di Malaysia: Satu Perbincangan Dari Perspektif Islam. *Journal 'Abqari*, Vol1.
- Thomas, D. R. (1994). Understanding cross-cultural communication. In *South Pacific Journal of Psychology* (Vol. 7, pp. 2–8). <https://doi.org/10.1017/s0257543400001346>
- Wildan, R. (2018). Seni Dalam Perspektif Islam. *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 6(2), 78. <https://doi.org/10.22373/jiif.v6i2.3049>
- Yakin, H. S. M., & Totu, A. (2014). The Semiotic Perspectives of Peirce and Saussure: A Brief Comparative Study. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 155(October), 4–8. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.10.247>
- Yap, J. (2019). Silang Budaya Pupuk Perpaduan. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/42540/KOLUMNIS/Silang-budaya-pupuk-perpaduan>
- Zain, I. M., Muniandy, B., & Hashim, W. (2016). An Integral ASIE ID Model: The 21<sup>st</sup> Century Instructional Design Model for Teachers. *Universal Journal of Educational Research*, 4(3), 547–554. <https://doi.org/10.13189/ujer.2016.040311>